

1 JAN 1996

PERDANA MENTERI PUJI PPP ADAKAN RUMAH TERBUKA TAHUN BARU

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji Parti Kemajuan Rakyat Malaysia (PPP) kerana satu-satunya parti politik di negara ini yang mengadakan rumah terbuka sempena Tahun Baru.

Beliau berkata, langkah ini amat baik kerana PPP berusaha menyedarkan rakyat berbilang kaum negara ini tentang pentingnya hidup bersama dalam suasana penuh mesra.

Beliau turut kagum melihat PPP mempunyai anggota berbilang kaum yang bersatu dan bekerjasama ke arah mencapai matlamat kemakmuran serta keamanan negara.

"Saya yakin PPP dapat memainkan peranan penting dalam masyarakat di samping mencetuskan suasana harmoni dan bekerjasama dalam Barisan Nasional," katanya dalam perutusan bagi Rumah Terbuka PPP, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini sempena Tahun Baru.

Menurutnya, kekuatan parti ini semakin ketara kerana masalah yang dihadapi oleh parti itu dapat diselesaikan dengan bijaksana.

Presiden PPP M. Kayveas dalam perutusannya pula berkata Rumah Terbuka anjuran parti itu bertujuan merapatkan hubungan dengan rakyat.

"Azam Tahun Baru kami ialah berdiri di belakang Barisan Nasional dan menyumbang ke arah usaha membasmi gejala sosial dan mewujudkan masyarakat penyayang," kata beliau. -- BERNAMA